



Jurnal Pendidikan 32 (2007) 61-76

Program Sistem Penalti: Kaedah Alternatif bagi Pengurusan Disiplin Pelajar

KHALIM ZAINAL
ROHANI AHMAD TARMIZI
ZAKARIA KASA
MIZAN ADILIAH AHMAD IBRAHIM

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan Program Sistem Penalti (PSP) yang diperkenalkan di negeri Selangor berbanding Pengurusan Disiplin Konvensional (PDK) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah lain di Malaysia. Program Sistem Penalti yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di negeri Selangor merupakan kaedah pengurusan disiplin berdasarkan mata penalti bagi setiap kesalahan disiplin pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk ex-post facto. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara PSP dengan PDK bagi aspek vandalisme ($t = 3.949$, $p < 0.05$), ponteng ($t = 5.117$, $p < 0.05$), datang lewat ($t = 4.446$, $p < 0.005$) dan masalah disiplin lain ($t = 3.766$, $p < 0.05$) manakala tiada perbezaan yang signifikan bagi aspek pengurusan disiplin secara umum. Keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan PSP lebih berkesan mengatasi masalah disiplin di sekolah berbanding PDK.

ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the effectiveness of the Penalty System Programme (PSP) which was introduced in Selangor and a comparison was made with the Conventional Discipline Programme (CDP) which is widely used in Malaysian schools. The Penalty System Programme which was implemented in Selangor used penalty points in managing disciplinary problems. The design of this study is ex-post facto. Findings revealed that there exist significant difference between PSP and CDP for the aspect of vandalism ($t = 3.949$, $p < 0.05$), truancy ($t = 5.117$, $p < 0.05$), tardiness ($t = 4.446$, $p < 0.005$) and other disciplinary problems ($t = 3.766$, $p < 0.05$) but there is no significant difference for the aspect of discipline management in general. Overall findings shows that PSP is more effective in managing discipline in schools as compared to CDP.



LATAR BELAKANG KAJIAN

Masalah disiplin pelajar sering diperkatakan oleh masyarakat pada masa kini. Pelbagai andaian telah dibuat oleh masyarakat tentang kemerosotan disiplin di kalangan pelajar. Pihak sekolah pula sedaya upaya cuba mengawal disiplin pelajar daripada terus merosot. Ini membawa kepada pelbagai bentuk program pengurusan disiplin pelajar yang telah dilaksanakan. Kadangkala kesabaran guru tergugat akibat tingkah laku pelajar yang benar-benar menguji tahap kesabaran guru. Ini amat membimbangkan guru-guru pada masa kini (Rogers 2004). Hasilnya timbul pula guru-guru yang tidak dapat mengawal emosi dan bertindak mengikut kehendak hati masing-masing. Ini menimbulkan pelbagai masalah sampingan seperti guru diserang, ditumbuk, didakwa di mahkamah dan sebagainya lagi yang telah menjatuhkan imej profesion perguruan di mata masyarakat.

Noran Fauziah (2004), menyatakan bilik darjah tidak lagi selamat kepada pelajar. Kajian beliau menunjukkan salah satu salah laku disiplin yang kerap berlaku di sekolah ialah kegiatan membuli. Dapatan beliau menunjukkan 95.8% pelajar sekolah menengah dan 82.7% pelajar sekolah rendah membuli secara psikologi manakala 65.3% pelajar sekolah menengah dan 56% pelajar sekolah rendah telah membuli secara fizikal. Kementerian Pelajaran Malaysia (1999) telah membuat kajian tentang masalah disiplin di kalangan pelajar di Malaysia. Hasilnya didapati masalah ponteng melibatkan 30375 pelajar, kurang sopan melibatkan 16781 dan jenayah melibatkan 10 463 pelajar. Ini merupakan tiga jenis salah laku yang sering dilakukan oleh pelajar. Apabila kita melihat angka-angka tersebut timbul perasaan gerun tentang nasib yang akan menimpa negara kerana bakal pemimpin negara berada dalam kelompok pelajar-pelajar ini. Timbul isu di sini sama ada bentuk pengurusan disiplin pelajar di Malaysia sangat lemah ataupun kurang mantap. Dengan persoalan tersebut pengkaji merasakan perlu mengkaji keberkesanan Program Sistem Penalti dalam menguruskan disiplin pelajar.

PROGRAM SISTEM PENALTI

Program Sistem Penalti adalah satu kaedah pengurusan disiplin yang menggunakan mata penalti bagi setiap kesalahan pelajar. Pelan tindakan Program Sistem Penalti adalah seperti Jadual 1. Disamping menggunakan mata penalti, bentuk tindakan lain ialah seperti memberi amaran, membuat kerja khidmat sosial, menghubungi ibu bapa/penjaga, merotan, menandatangani surat perjanjian, memberi kaunseling dan alternatif yang terakhir ialah buang sekolah. Semua guru perlu bekerjasama dengan guru disiplin agar tindakan dapat diambil oleh pihak pentadbiran sekolah terhadap pelajar yang tidak berdisiplin. Ini dilakukan dengan mencatat kesalahan pelajar dalam bilik darjah dengan menggunakan buku kawalan kelas bagi setiap waktu pengajaran guru. Catatan masalah disiplin

JADUAL 1. Pelan tindakan program sistem penalti

Bil.	Mata penalti	Langkah/hukuman
1.	5	• Amaran • Khidmat sosial
2.	10	• Hubungi ibu bapa/penjaga • Rotan satu kali • Surat amaran • Mengisi borang pengakuan pelajar
3.	20	• Hubungi ibu bapa/penjaga • Rotan dua kali • Surat amaran • Mengisi borang pengakuan pelajar • Sesi kaunseling
4.	30	• Hubungi ibu bapa/penjaga • Rotan tiga kali • Surat amaran • Mengisi borang pengakuan pelajar • Menandatangani surat perjanjian
5.	40	• Hubungi ibu bapa/penjaga • Surat pemberitahuan (pertemuan dengan ibu bapa/penjaga) • Gantung sekolah • Menandatangani surat perjanjian • Sesi kaunseling
6.	50	• Buang sekolah

pelajar akan dicatat pula dalam kad penalti pelajar yang disimpan oleh guru disiplin. Guru disiplin akan bertindak berdasarkan rekod disiplin tersebut.

Tujuan Program Sistem Penalti adalah untuk:

1. Untuk memberi panduan tentang bentuk tindakan disiplin yang boleh diambil oleh Pengetua, Guru Besar dan guru-guru terhadap pelajar yang melakukan kesalahan disiplin;
2. Memberi panduan kepada para pelajar tentang jenis-jenis kesalahan dan mata penalti yang akan dikenakan sekiranya mereka melakukan kesalahan disiplin;
3. Menyelaraskan bentuk tindakan salah laku disiplin di negeri Selangor agar tidak timbul masalah dari segi perundangan;
4. Memudahkan ibu bapa mengetahui kehendak Jabatan Pendidikan Selangor tentang tingkah laku yang tidak dibenarkan di sekolah serta bentuk tindakan yang akan dikenakan; dan
5. Untuk mengawal disiplin pelajar serta mewujudkan suasana yang kondusif bagi proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar (Jabatan Pendidikan Selangor 2000).

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Meninjau rekod disiplin dan pencapaian akademik pelajar di sekolah yang melaksanakan PSP berbanding sekolah yang melaksanakan Pengurusan Disiplin Konvensional (PDK); dan
2. Meninjau persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan PSP dan pengurusan disiplin secara konvensional sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah kesan pelaksanaan PSP dan PDK terhadap salah laku disiplin dan pencapaian akademik pelajar?
2. Apakah persepsi pelajar mengenai PSP sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah secara umum?
3. Apakah kesan penggunaan PSP sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah terhadap tingkah laku vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain mengikut persepsi pelajar?
4. Apakah persepsi pelajar mengenai PDK sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah secara umum?
5. Apakah kesan penggunaan PDK sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah terhadap tingkah laku vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain mengikut persepsi pelajar?
6. Adakah terdapat perbezaan kesan penggunaan PSP dengan PDK terhadap aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum mengikut persepsi pelajar? dan
7. Adakah terdapat perbezaan kesan penggunaan PSP dengan PDK terhadap aspek vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain mengikut persepsi pelajar?

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk *ex-post facto*. Walaupun pengkaji menggunakan reka bentuk *ex-post facto*, pengkaji masih mampu mewujudkan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang tidak menerima rawatan PSP iaitu yang menerima kaedah PDK. Pengkaji menggunakan sampel yang hampir sama iaitu pelajar yang sama umur yang berada di tingkatan empat, sekolah yang berada dalam persekitaran yang sama iaitu di kawasan pinggir bandar raya. Pelajar tersebut menerima kaedah pengajaran yang sama, taraf pencapaian akademik



yang hampir sama, masalah disiplin yang sama dan taraf sosial ekonomi pelajar yang hampir sama.

SAMPEL KAJIAN

Kajian ini dijalankan di negeri Selangor kerana Program Sistem Penalti hanya dilaksanakan di Selangor. Daerah Ampang telah dipilih untuk kajian mengenai PSP. Daerah Ampang yang terletak di pinggir bandar raya, mempunyai tujuh buah sekolah menengah yang melaksanakan PSP. Pengkaji telah memilih salah sebuah sekolah secara rawak. Sekolah tersebut telah melaksanakan PSP pada awal Januari 2001. Sebuah sekolah lagi yang tidak melaksanakan PSP telah dipilih untuk dibuat perbandingan. Sekolah tersebut terletak dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi bersempadan dengan Ampang Selangor. Sekolah yang dipilih mengamalkan PDK. Jarak antara kedua-dua sekolah yang dikaji ialah 6km. Kedua-dua sekolah berada dalam persekitaran yang sama dan menghadapi masalah disiplin yang sama. Kedua-dua sekolah mempunyai responden yang sesuai untuk tujuan kajian ini. Kedua-dua sekolah adalah sama dari segi persekitaran, status sosial ekonomi, pedagogi dan sukatan pelajaran. Perbandingan akan dibuat antara kedua-dua sekolah. Pemilihan sampel kajian pelajar yang terlibat dengan PSP ialah melalui kaedah persampelan berkelompok (*cluster sampling*). Pelajar tingkatan empat telah dipilih sebagai sampel kajian. Sekolah yang melaksanakan PSP mempunyai 354 orang pelajar tingkatan empat manakala sekolah yang melaksanakan PDK mempunyai 360 orang pelajar bagi tingkatan yang sama.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat utama kajian. Persepsi pelajar digunakan dalam kajian ini adalah kerana pelajar dapat memberi pandangan mereka mengenai keberkesanan sesuatu program pengurusan disiplin dalam bilik darjah kerana pelajar terlibat dalam sesuatu program disiplin di sekolah. Sebagai mengukuhkan persepsi pelajar, pengkaji akan memuatkan data yang mengandungi rekod disiplin sekolah sejak tahun 2000 hingga tahun 2004. Rekod disiplin diambil sejak tahun 2000 kerana PSP hanya dilaksanakan pada tahun 2001. Dengan demikian dapat dilihat perbezaan di antara tahun pelaksanaan PSP dengan sebelum pelaksanaan PSP.

Soal selidik pelajar terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A ialah demografi responden. Bahagian B ialah persepsi pelajar mengenai kesan PSP terhadap aspek-aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum. Terdapat 14 item pada bahagian ini yang menggunakan Skala Likert iaitu 1 – Sangat tidak setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Setuju dan 4 – Sangat Setuju. Bahagian C ialah



persepsi pelajar mengenai kesan PSP terhadap tingkah laku vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain. Terdapat 84 item pada bahagian ini yang menggunakan Skala Likert iaitu 1 – Sangat berkurangan, 2 – Berkurangan, 3 – Meningkatkan dan 4 – Sangat meningkat.

Bagi menetapkan interpretasi tahap persepsi pelajar bagi aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum, vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain, pengkaji telah membahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah (min 1.00 hingga 2.00), tahap sederhana (min 2.01 hingga 3.00) dan tahap tinggi (min 3.01 hingga 4.0). Bagi aspek pengurusan disiplin secara umum, semakin tinggi min menunjukkan semakin berkesan PSP/PDK terhadap aspek tersebut. Manakala bagi aspek vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain menggambarkan semakin tinggi min, semakin kurang berkesan PSP/PDK kerana tingkah laku tidak berdisiplin semakin meningkat. Semakin rendah min, menunjukkan masalah disiplin di kalangan pelajar semakin berkurangan dan semakin berkesan PSP/PDK.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

REKOD DISIPLIN SEKOLAH YANG MELAKSANAKAN PROGRAM SISTEM PENALTI DAN PROGRAM DISIPLIN KONVENSIONAL

Jadual 2 menunjukkan salah laku disiplin datang lewat, ponteng, vandalisme dan masalah disiplin lain dari tahun 2000 hingga 2004 bagi sekolah yang melaksanakan PSP. Sekolah ini telah melaksanakan PSP pada tahun 2001. Pada tahun 2000 sekolah ini masih melaksanakan pengurusan disiplin konvensional.

Jadual 3 menunjukkan pencapaian akademik sekolah yang melaksanakan PSP dan PDK dari tahun 2000 hingga 2003.

Persoalan 1: Apakah kesan pelaksanaan PSP dan PDK terhadap salah laku disiplin dan pencapaian akademik pelajar?

Apabila PSP mula dilaksanakan pada tahun 2001, tingkah laku datang lewat telah menurun sebanyak 6.0%, ponteng menurun dengan drastik sekali iaitu sebanyak 8.1%, tingkah laku vandalisme menurun sebanyak 0.6% dan masalah disiplin lain telah menurun sebanyak 4.7%. Tahun 2003 dan 2004 juga menunjukkan penurunan. Jika dibandingkan sebelum pelaksanaan PSP pada tahun 2000 dengan tahun 2004 iaitu kira-kira empat tahun pelaksanaan PSP, semua salah laku disiplin telah menunjukkan penurunan. Kadar penurunan salah laku datang lewat ialah di antara 1.3% hingga 6.0%, ponteng 0.1% hingga 8.1%, vandalisme di antara 0.1% hingga 0.6% dan masalah disiplin lain ialah di antara 0.1 hingga 4.7%. Secara keseluruhannya berdasarkan rekod disiplin sekolah yang melaksanakan PSP, amat jelas PSP telah berjaya mengurangkan salah laku disiplin datang lewat, vandalisme, ponteng dan masalah disiplin lain.

JADUAL 2. Maklumat salah laku disiplin pelajar di sekolah yang melaksanakan PSP dan PDK berdasarkan buku rekod disiplin sekolah

Tahun	2000 (%)		2001 (%)		2002 (%)		2003 (%)		2004 (%)	
Program & Bil. Pelajar	PSP	PDK	PSP	PDK	PSP	PDK	PSP	PDK	PSP	PDK
2034	2259	2120	2184	2257	2206	2200	2210	2424	2200	2200
Masalah Disiplin										
Datang lewat	400 (19.6)	312 (13.8)	289 (13.6)	298 (13.6)	275 (12.2)	247 (11.2)	239 (10.9)	231 (10.5)	232 (9.6)	219 (10.0)
Ponteng	354 (17.4)	340 (15.0)	199 (9.3)	325 (14.9)	180 (8.0)	287 (13.0)	174 (7.9)	250 (11.3)	159 (6.6)	221 (10.0)
Vandalisme	45 (2.2)	33 (1.5)	33 (1.6)	30 (1.4)	31 (1.4)	28 (1.3)	28 (1.3)	21 (1.0)	27 (1.2)	15 (0.7)
Masalah disiplin lain	230 (11.3)	314 (13.9)	140 (6.6)	227 (10.4)	147 (6.5)	219 (9.9)	141 (6.4)	202 (9.9)	129 (5.3)	144 (6.5)
Jumlah	1029	999	661	880	633	781	581	704	552	599

JADUAL 3. Pencapaian akademik sekolah yang melaksanakan PSP Dan PDK

Tahun	2000 (%)	2001 (%)	2002 (%)	2003 (%)
Program	PSP	PDK	PSP	PDK
PMR	60.5	56.1	65.7	63.8
SPM	43.4	42.4	55.2	50.6
			64.2	55.3
			67.1	64.2



Sekolah yang melaksanakan PSP didapati meningkat pencapaiannya untuk kedua-dua peperiksaan iaitu PMR dan SPM. Peningkatan peperiksaan PMR ialah di antara 1.7% hingga 14.6% dari tahun 2000 hingga 2003. Bagi peperiksaan SPM peningkatan adalah di antara 2.9% hingga 11.8%. Ini menunjukkan pencapaian akademik pelajar sekolah ini semakin meningkat. Bagi sekolah yang melaksanakan PDK, semua salah laku disiplin juga telah menurun. Kadar penurunan antara tahun 2000 hingga 2004 bagi salah laku datang lewat ialah di antara 0.2% hingga 2.9%, ponteng di antara 0.1% hingga 1.9%, vandalisme di antara 0.1% hingga 0.3% dan masalah disiplin lain di antara 0.5% hingga 3.5%.

Pencapaian akademik bagi peperiksaan PMR pula dari tahun 2000 hingga 2001 telah meningkat sebanyak 7.7%, manakala dari tahun 2001 hingga 2002 menurun sebanyak 1.9% dan dari tahun 2002 hingga 2003 meningkat semula sebanyak 22.2%. Bagi peperiksaan SPM pula dari tahun 2000 hingga 2001 telah meningkat sebanyak 8.2%, dari tahun 2001 hingga 2002 meningkat lagi sebanyak 4.7% dan dari tahun 2002 hingga 2003 meningkat lagi sebanyak 8.9%. Pencapaian pelajar di sekolah yang melaksanakan PDK pada keseluruhannya semakin meningkat.

Sebagai kesimpulan dapat dinyatakan bahawa sekolah yang melaksanakan PSP berjaya mengurangkan semua salah laku disiplin dengan lebih berkesan daripada sekolah yang melaksanakan PDK kerana peratus penurunan semua salah laku disiplin bagi PSP adalah lebih tinggi daripada peratus penurunan salah laku disiplin bagi PDK. Begitu juga peningkatan pencapaian akademik sekolah yang melaksanakan PSP adalah lebih baik daripada sekolah yang melaksanakan PDK.

Persoalan 2: Apakah persepsi pelajar terhadap Program Sistem Penalti sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah secara umum?

Min keseluruhan bagi aspek ini ialah 2.95 dan berada pada tahap sederhana (Jadual 4). Ini menunjukkan PSP berkesan sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah mengikut persepsi pelajar. Berdasarkan min di antara 2.82 hingga 3.07 dan peratus persetujuan pelajar di antara 66.4 % hingga 79.9 %, dapatan kajian menunjukkan pelajar bersetuju PSP memberi kesan kepada pengurusan disiplin bilik darjah.

Persoalan 3: Apakah kesan penggunaan Program Sistem Penalti sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah terhadap tingkah laku vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain mengikut persepsi pelajar?

Tingkah Laku Vandalisme

Jadual 5 menunjukkan min bagi kesan PSP sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah terhadap tingkah laku vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain. Bagi aspek tingkah laku vandalisme terdapat 11 item.



JADUAL 4. Persepsi pelajar terhadap kesan PSP sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah secara umum

Bil.	Pernyataan	Tahap persetujuan				Kedudukan
		TS (%)	S (%)	min	s.p	
1.	Membuat pelajar takut untuk melakukan kesalahan disiplin.	33.6	66.4	2.82	0.87	14
2.	Menghasilkan keadaan bilik darjah yang lebih tenteram.	24.0	76.0	3.01	0.77	4
3.	Membantu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.	20.1	79.9	3.07	0.81	1
4.	Membuat pelajar lebih menumpukan perhatian terhadap pelajaran.	24.9	75.1	2.99	0.81	7
5.	Membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar.	24.0	76.0	3.01	0.80	4
6.	Mengurangkan masalah tingkah laku tidak berdisiplin di kalangan pelajar.	24.6	75.4	2.98	0.83	6
7.	Membuat pelajar berasa lebih selamat berada dalam bilik darjah.	25.5	74.5	2.93	0.81	8
8.	Membuat pelajar berasa lebih tenteram berada dalam bilik darjah.	27.4	72.6	2.89	0.79	11
9.	Membentuk tingkah laku positif pelajar.	23.4	76.6	3.01	0.78	3
10.	Menghasilkan hubungan pelajar dengan guru menjadi lebih rapat.	30.2	69.8	2.85	0.90	12
11.	Meningkatkan penghormatan pelajar kepada guru.	22.9	77.1	3.01	0.81	2
12.	Meningkatkan penghormatan sesama pelajar.	25.7	74.3	2.93	0.84	9
13.	Meningkatkan kekerapan kehadiran pelajar dalam bilik darjah.	28.5	71.5	2.85	0.85	12
14.	Meningkatkan tahap motivasi pelajar.	27.1	72.9	2.91	0.77	10

Min keseluruhan ialah 2.95

Nota : TS ialah Sangat Tidak Setuju + Tidak Setuju; S ialah Setuju + Sangat Setuju

JADUAL 5. Tingkah laku bermasalah yang sering dilakukan di sekolah yang melaksanakan PSP berdasarkan persepsi pelajar

Tingkah laku bermasalah		Min
1.	Vandalisme	2.06
2.	Ponteng	2.87
3.	Datang Lewat	2.41
4.	Masalah Disiplin Lain	2.42



Min bagi tingkah laku vandalisme ialah 2.06 dan berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan pelajar bersetuju bahawa pelaksanaan PSP telah mengurangkan tingkah laku vandalisme.

Tingkah Laku Ponteng

Tingkah laku ponteng mencatat min 2.87. Min berada pada tahap sederhana tetapi menghampiri tahap tinggi. Ini menunjukkan PSP gagal mengatasi tingkah laku ponteng di kalangan pelajar.

Tingkah Laku Datang Lewat

Min keseluruhan bagi aspek tingkah laku datang lewat ialah 2.41 dan berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan PSP berkesan mengurangkan tingkah laku datang lewat mengikut persepsi pelajar. Kesimpulannya, PSP berjaya mengurangkan tingkah laku datang lewat mengikut persepsi pelajar.

Masalah Disiplin lain

Aspek ini mempunyai 60 item yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu masalah disiplin melibatkan diri sendiri, masalah disiplin melibatkan pelajar terhadap rakan yang lain dan masalah disiplin melibatkan pelajar terhadap guru. Masalah disiplin lain mencatat min 2.42 dan berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan PSP berkesan mengurangkan masalah disiplin lain.

Sebagai kesimpulan pelajar yang terlibat dengan PSP menyatakan PSP berkesan sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah secara umum. PSP juga berjaya mengurangkan tingkah laku vandalisme, datang lewat dan masalah disiplin lain. Manakala PSP gagal mengatasi masalah tingkah laku ponteng mengikut persepsi pelajar kerana tingkah laku tersebut telah meningkat walaupun dengan pelaksanaan PSP sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah.

Persoalan 4: Apakah persepsi pelajar mengenai Program Disiplin Konvensional sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah secara umum?

Min keseluruhan bagi aspek ini ialah 2.95 dan berada pada tahap sederhana tetapi menghampiri tahap tinggi. Ini menunjukkan PDK berkesan sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah mengikut persepsi pelajar.

Persoalan 5: Apakah kesan penggunaan PDK sebagai sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah terhadap tingkah laku vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain mengikut persepsi pelajar?

Tingkah Laku Vandalisme

Min keseluruhan bagi aspek ini ialah 1.92 dan berada pada tahap rendah. Ini menunjukkan PDK sangat berkesan dalam mengurangkan tingkah laku vandalisme mengikut persepsi pelajar.



JADUAL 6. Tingkah laku bermasalah yang sering dilakukan di sekolah yang melaksanakan PDK berdasarkan persepsi pelajar

Tingkah Laku Bermasalah	Min
1. Vandalisme	1.92
2. Ponteng	2.58
3. Datang Lewat	2.22
4. Masalah Disiplin Lain	2.26

Tingkah Laku Ponteng

Dapatan menunjukkan min keseluruhan ialah 2.58 dan berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan PDK kurang berkesan terhadap tingkah laku ponteng mengikut persepsi pelajar.

Tingkah Laku Datang Lewat

Min keseluruhan ialah 2.22 dan berada tahap sederhana. Ini menunjukkan PDK telah berjaya mengurangkan tingkah laku datang lewat mengikut persepsi pelajar.

Masalah Disiplin Lain

Bahagian ini mengandungi 60 item untuk mendapatkan maklum balas tentang kesan penggunaan PDK terhadap masalah disiplin lain. Min keseluruhan ialah 2.26 dan berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan dengan menggunakan PDK, masalah disiplin lain telah berkurangan mengikut persepsi pelajar.

Kesimpulannya PDK berkesan terhadap aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum, berjaya mengurangkan tingkah laku vandalisme, datang lewat dan masalah disiplin lain. Hanya tingkah laku ponteng gagal diatasi oleh PDK.

Persoalan 6: Adakah terdapat perbezaan kesan penggunaan PSP dengan PDK terhadap aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum mengikut persepsi pelajar?

Bagi aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum, tidak terdapat perbezaan kesan di antara sekolah yang menggunakan PSP dengan sekolah yang menggunakan PDK sebagai kaedah pengurusan disiplin bilik darjah secara umum. Kedua-dua sekolah mencatat min yang sama iaitu 2.95 (Jadual.7). Berdasarkan min, PSP dan PDK berada pada tahap yang berkesan dalam menguruskan disiplin bilik darjah secara umum.

Berdasarkan ujian-t, nilai t yang diperoleh ialah -0.089 manakala nilai signifikan ialah 0.929 . Ini bermakna tiada perbezaan yang signifikan bagi persepsi pelajar dalam kesan pengurusan disiplin bilik darjah secara umum antara sekolah yang mengikuti PSP dengan yang mengikuti PDK, ($t(712) = -0.089$, $p > 0.05$).

JADUAL 7. Perbandingan persepsi pelajar terhadap kesan PSP dan PDK bagi aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum

Aspek Pengurusan Disiplin Bilik Darjah Secara Umum	min	s.p	Dk	t	Sig.(2 hujung)
PSP	2.95	0.55	712	-0.089	0.929
PDK	2.95	0.54			

Dapatan kajian juga menunjukkan pengurusan disiplin PSP dan PDK sama-sama berkesan terhadap pengurusan disiplin bilik darjah secara umum.

Persoalan 7: Adakah terdapat perbezaan kesan penggunaan PSP dengan PDK terhadap aspek vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain mengikut persepsi pelajar?

(a) Aspek Vandalisme

Aspek vandalisme pula menunjukkan sekolah yang menggunakan PDK lebih berkesan dalam mengurangkan tingkah laku vandalisme daripada sekolah yang menggunakan PSP. Ini berdasarkan min PDK yang lebih rendah daripada min PSP bagi aspek vandalisme.

Berdasarkan ujian-t, nilai t yang diperoleh ialah 3.949 ($p < 0.00$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi pelajar dalam kesan tingkah laku vandalisme antara sekolah yang mengikuti PSP dengan yang mengikuti PDK $t(712) = 3.949$, $p < 0.05$. Dapatan kajian juga menunjukkan pengurusan disiplin PDK adalah lebih berkesan dengan signifikan berbanding pengurusan disiplin PSP.

JADUAL 8. Perbandingan persepsi pelajar terhadap kesan PSP dan PDK bagi aspek tingkah laku vandalisme

Aspek Vandalisme	min	s.p	dk	T	Sig.(2 hujung)
PSP	2.06	0.50	712	3.949	0.000
PDK	1.92			0.49	

(b) Aspek Ponteng

Sekolah yang menggunakan PDK lebih berkesan mengatasi tingkah laku ponteng daripada sekolah yang menggunakan PSP kerana min PDK adalah lebih rendah daripada min PSP (Jadual 9). Walau bagaimanapun kedua-dua min menghampiri tahap meningkat. Ini menunjukkan PSP dan PDK kurang berkesan terhadap aspek ponteng mengikut persepsi pelajar.



JADUAL 9. Perbandingan persepsi pelajar terhadap kesan PSP dan PDK bagi aspek tingkah laku ponteng

Aspek Ponteng	min	s.p	dk	T	Sig.(2 hujung)
PSP	2.87	0.76	712	5.117	0.000
PDK	2.58	0.75			

Berdasarkan Jadual 9, nilai t yang diperoleh ialah 5.117 ($p < 0.00$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi pelajar dalam kesan tingkah laku ponteng antara sekolah yang mengikuti PSP dengan yang mengikuti PDK, $t(712) = 5.117, p < 0.05$.

(c) Aspek Datang Lewat

Bagi aspek datang lewat, sekolah yang menggunakan PDK lebih berkesan daripada sekolah yang menggunakan PSP dalam mengurangkan masalah datang lewat. Ini berdasarkan min PDK yang lebih rendah daripada min PSP.

JADUAL 10. Perbandingan persepsi pelajar terhadap kesan PSP dan PDK bagi aspek tingkah laku datang lewat

Aspek Datang Lewat	min	s.p	Dk	T	Sig.(2 hujung)
PSP	2.41	0.54	712	4.446	0.000
PDK	2.22	0.61			

Berdasarkan ujian- t , nilai t yang diperoleh ialah 4.446 ($p < 0.00$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi pelajar dalam kesan tingkah laku datang lewat antara sekolah yang mengikuti PSP dengan yang mengikuti PDK, $t(712) = 4.446, p < 0.05$. Dapatan kajian juga menunjukkan pengurusan disiplin PDK secara signifikannya lebih berkesan berbanding pengurusan disiplin PSP.

(d) Aspek Masalah Disiplin Lain

Bagi aspek masalah disiplin lain, sekolah yang menggunakan PDK lebih berkesan berbanding sekolah yang menggunakan PSP dalam mengatasi masalah disiplin lain. Ini berdasarkan nilai min PDK yang lebih rendah berbanding min PSP.

Berdasarkan ujian- t , nilai t yang diperoleh ialah 3.766 ($p < 0.00$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi pelajar dalam kesan masalah disiplin lain antara sekolah yang mengikuti PSP dengan yang mengikuti PDK ($t(712) = 3.766, p < 0.05$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengurusan disiplin PDK adalah lebih berkesan dengan signifikan berbanding pengurusan disiplin PSP.

JADUAL 11. Perbandingan persepsi pelajar terhadap kesan PSP dan PDK bagi aspek masalah disiplin lain

Masalah Disiplin Lain	min	s.p	dk	t	Sig.(2 hujung)
PSP	2.42	0.58	712	3.766	0.000
PDK	2.26	0.58			

Kesimpulannya, walaupun PSP kelihatan kurang berkesan daripada PDK, apabila rekod disiplin kedua-dua sekolah dirujuk didapati PSP lebih berkesan daripada PDK dalam mengurangkan masalah disiplin di sekolah.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian menunjukkan PSP merupakan satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah yang berkesan dan berjaya mengurangkan masalah disiplin pelajar. Semua aspek tingkah laku disiplin pelajar iaitu vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain berjaya dikurangkan oleh PSP. Apabila PSP dibandingkan dengan PDK, jelas PSP lebih berkesan daripada PDK. Ini menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada berkesannya PSP sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah jika dibandingkan dengan PDK. Antaranya ialah:

1. Penggunaan dendaan mampu mengawal tingkah laku tidak berdisiplin. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, PSP menggunakan mata penalti semata-mata. Dengan merujuk kepada jumlah mata penalti, tindakan diambil ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin seperti diberi kaunseling, menghubungi ibu bapa/penjaga, dirotan, persekolahan digantung dan dibuang sekolah. Dalam membentuk tingkah laku berdasarkan Teori Tingkah Laku oleh Skinner (1979), ditegaskan juga penggunaan dendaan di samping peneguhan. Walaupun penggunaan dendaan didapati berkesan namun pengkaji merasakan sekiranya dendaan sering digunakan untuk suatu jangka masa yang panjang mungkin akan menyebabkan pelajar merasa tegang. Ini akan menjejaskan hubungan guru dengan pelajar. Ini dapat di atasi sekiranya peneguhan juga dimasukkan sebagai elemen tambahan kepada sesuatu program pengurusan disiplin. Merujuk kepada model-model disiplin seperti Model Disiplin Asertif oleh Canter (1976), menggabungkan penggunaan peneguhan dan dendaan dalam membentuk tingkah laku pelajar agar lebih berdisiplin dalam bilik darjah. Begitu juga dengan Teori Tingkah laku oleh Skinner (1979) menegaskan penggunaan peneguhan. Dengan penggunaan mata penalti semata-mata dalam PSP, pelajar tidak diberi peluang untuk mengurangkan mata tersebut. Sekiranya mereka diberi peluang seperti



membuat kerja kebajikan demi untuk mengurangkan mata penalti yang telah dikumpulkan, kebanyakan pelajar akan mengambil peluang daripada kesempatan yang diberikan itu untuk mengurangkan mata penalti demi untuk mengelakkan daripada dikenakan tindakan disiplin. Dengan erti kata lain, disamping dikenakan mata penalti, perlu ada program-program khusus yang boleh memberi ganjaran tertentu untuk membaiki mata penalti pelajar yang bermasalah dari segi tingkah laku. Pelajar akan merasai diri mereka cuba dibantu oleh pihak sekolah dan bukan sekadar untuk mencari kesalahan mereka semata-mata.

2. Keberkesanan sesuatu program pengurusan disiplin juga bergantung kepada lokasi sesebuah sekolah. Masalah disiplin pelajar berbeza antara kawasan luar bandar, bandar, pinggir bandar raya dan bandar raya (Curwin & Mendler 1980). Dalam kajian ini lokasi sekolah ialah di kawasan pinggir bandar raya Kuala Lumpur. Pengaruh persekitaran begitu kuat sekali dengan kemudahan seperti pusat membeli-belah, pusat hiburan seperti kedai-kedai permainan, kawasan rekreasi dan sebagainya lagi yang turut menarik minat pelajar untuk ponteng, datang lewat, berfesyen di sekolah dan sebagainya lagi. Ini kemungkinan merupakan salah satu sebab mengapa tingkah laku ponteng dan datang lewat agak tinggi berbanding tingkah laku disiplin yang lain bagi sekolah yang melaksanakan PSP mahupun PDK walaupun kedua-dua program berjaya mengurangkan tingkah laku ponteng dan datang lewat. Sekiranya kajian PSP dijalankan di kawasan luar bandar, kemungkinan akan memperoleh dapatan yang berbeza.
3. Terdapat masalah disiplin tertentu yang perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah, jabatan dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia. Masalah disiplin tersebut ialah ponteng dan datang lewat yang agak tinggi di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan baik PSP mahupun PDK menghadapi masalah dalam mengatasi masalah tersebut. Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1999).
4. Dalam menguruskan disiplin pelajar, pandangan pelajar juga perlu diambil kira demi untuk memantapkan peraturan disiplin di sekolah. Pelajar lebih mengetahui masalah disiplin yang sering dilakukan oleh mereka. Di pihak guru pula perlu menjadi model kepada anak-anak didiknya. Berdasarkan teori pembelajaran sosial oleh Bandura (1977), guru perlu menonjolkan peribadi yang baik yang boleh dicontohi oleh pelajar. Dengan itu guru perlu sentiasa menonjolkan peribadi yang boleh dicontohi pelajar pada setiap masa dan meletakkan pembentukan akhlak pelajar seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya keadaan bilik darjah dalam keadaan tidak terkawal, tidak mungkin proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar serta menghasilkan pencapaian akademik yang baik.



KESIMPULAN

Sebagai rumusan, dalam memperkemas lagi sesuatu program pengurusan disiplin pelajar, elemen peneguhan di samping dendaan perlu dirancang dan dilaksanakan agar keberkesanan program tersebut dapat dicapai. Di samping itu pelajar perlu diberi peluang untuk memberi pandangan mereka tentang peraturan ataupun program disiplin sekolah yang ingin dilaksanakan. Pelbagai bentuk peneguhan perlu diperkenalkan dan pemberian peneguhan ini perlu dirancang dengan sistematik. Ini adalah kerana pembentukan tingkah laku bukanlah suatu proses yang dapat menghasilkan sesuatu tingkah laku baik dengan serta merta. Tingkah laku yang ingin diubah perlu berkekalan dalam diri seseorang pelajar kerana sesuatu program pengurusan disiplin pelajar biarlah mampu membentuk pelajar yang berakhlak baik untuk suatu jangka masa yang panjang dan bukan sekadar ketika berada di sekolah sahaja.

RUJUKAN

- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Canter, L. & Canter, M. 1976. *Assertive discipline : A take-charge approach for today's educator*. Seal Beach, California: Canter and Associates.
- Curwin, R. L. & Mendler, A. N. 1980. *The discipline book*. Virginia: Reston Publishing Company.
- Jabatan Pendidikan Selangor. 2000. *Modul program sistem penalti*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1999. *Laporan disiplin bahagian sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noran Fauziah, Y. 2004. Tingkah laku buli di sekolah: Apa yang boleh kita lakukan? Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Kepengetuaan Ketiga. Universiti Malaya. 17 March.
- Rogers, B. 2004. *How to manage children's challenging behaviour*. London: A Paul Chapman Publishing.
- Skinner, B. F. 1979. *The shaping of a behaviorist*. New York: Knppff Inc.